




Khutbah Jumaat 29 Disember 2041M / 27 Jumadal Ula 1446H: "Berbakti kepada Ibu Bapa"
Jabatan Agama Islam Selangor

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK ;
BERBAKTI
KEPADA IBU BAPA**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BERBAKTI KEPADA IBU BAPA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا
إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمُ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُولُ لَهُمَا أُفِّ وَلَا
تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

2

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَارَ المُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

6

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**BERBKTI KEPADA IBU BAPA**".



Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 23 yang telah dibacakan di awal khutbah bermaksud:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-dua sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan "Ah" dan janganlah engkau menengking atau menyergah mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang baik dan mulia (bersopan santun)".

7

Ayat tersebut menuntut ke atas kita sebagai anak untuk berbuat baik kepada ibu bapa. Kedudukan ibu bapa di sisi Allah SWT amatlah mulia, kerana perintah berbuat baik kepada mereka berdua datang mengiringi perintah supaya tidak menyembah selain dari Allah SWT dan mensyirikkan-Nya dengan sesuatu.

8

Melihat kepada senario masyarakat kini, ramai di kalangan masyarakat yang bersikap lepas tangan terhadap kedua ibu bapa mereka. Warga emas yang diabaikan anak-anak bukanlah isu asing dalam masyarakat hari ini. Saban tahun ada sahaja kes warga emas yang ditinggalkan di tempat awam seperti dilaporkan media.

9

Kunci utama seseorang itu masuk syurga tidak lain tidak bukan adalah dengan mendapat reda Allah SWT. Keredaan Allah SWT boleh dimiliki dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Maka, untuk mendapat reda Allah SWT ia juga bergantung kepada reda ibu bapa. Perkara inilah yang acap kali dilupakan oleh kita selama ini.

10



Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Keredaan Allah terletak pada keredaan kedua ibu bapa, dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa."

11

(Riwayat al-Tirmidzi).

Ini menggambarkan bahawa, setiap anak yang berbakti kepada ibu bapanya pasti akan meraih keredaan Allah SWT. Oleh itu, restu dan reda ibu bapa dalam kehidupan seseorang itu sangat penting kerana ia sebagai punca untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

12

Dalam kita mentaati ibu bapa, segala urusan kita pasti Allah SWT permudahkan. Rezeki Allah SWT itu sangat luas dan datang dalam pelbagai bentuk tanpa kita sedari. Dikurniakan kesihatan tubuh badan juga merupakan salah satu bentuk rezeki dan terhindar daripada mala petaka.

13

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahunhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَغِمَ أَنْفُ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُ. قِيلَ: مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَ وَالَّذِي هُوَ عِنْدَ الْكَبِيرِ، أَحَدَهُمَا أَوْ كُلَّهُمَا، ثُمَّ لَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ.

14



"Celakalah, celakalah, celakalah! ditanya kepada baginda: 'Siapa, wahai Rasulullah?' Baginda menjawab: 'Sesiapa yang mendapati kedua ibu bapanya yang sudah tua, salah seorang atau kedua-duanya, tetapi dia tidak masuk syurga (kerana gagal berbakti kepada mereka)."

15

(Riwayat Muslim).

Hadis ini menekankan betapa besar peluang bagi seseorang untuk meraih syurga melalui berbakti kepada ibu bapa, terutamanya ketika mereka sudah lanjut usia. Gagal memanfaatkan peluang ini dianggap sebagai suatu kerugian besar.

16

Ujian sebenar setiap anak-anak adalah bila mana ibu bapa jatuh sakit dan tidak lagi terdaya untuk melakukan apa-apa perkara. Dahulunya, waktu kecil kita, ibu bapalah insan yang paling banyak berkorban demi membesar kita. Mereka menjaga kita bagi menatang minyak yang penuh. Mereka sanggup berjaga malam semasa kita merengek atau tidak selesa untuk tidur. Ingatlah bahawa hidup ini bagaikan roda yang berputar, akan tiba masanya kita juga akan menjadi ibu bapa dan tua.

17

Beruntunglah seorang anak yang dapat menjaga kedua ibu bapa mereka hingga ke akhir hayatnya. Setiap kegembiraan yang dirasakan dan kebahagiaan yang terpancar di wajah ibu bapa kita akan menjadi salah satu sebab hidup kita diberkati Allah SWT. Apabila ibu bapa senang dan gembira dengan anak-anaknya, pasti mereka akan sentiasa mendoakan kita dengan doa-doa yang terbaik. Walau siapa pun kita, walau sehebat mana pun kita, walau berjaya setinggi langit pun, kita hanya hebat kerana doa ibu bapa kita. Tanpa doa mereka kita sebenarnya bukan siapa-siapa. Jadi, janganlah kita menyakiti hati mereka, sungguh buruk padahnya. Balasan Allah SWT untuk anak-anak yang derhaka itu pasti.

18



Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiyallahu Anhu bahawa, beliau bertanya kepada Rasulullah SAW:

"Apakah amalan yang paling dicintai Allah SWT?. Rasulullah SAW menjawab: *"Solat di dalam waktunya".* Kemudian apa? Rasulullah SAW menjawab: *"Berbuat baik kepada ibu bapa".* Kemudian apa? Rasulullah SAW menjawab: *"Berjihad di jalan Allah".*

19

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis di atas menunjukkan bahawa darjat ibu bapa di sisi Allah SWT itu sangat mulia. Justeru, anak yang memuliakan ibu bapanya akan mendapat ganjaran pahala. Ia bersamaan pahala berjihad di jalan Allah SWT kerana pengorbanan menjaga dan merawat ibu bapa dengan baik juga adalah sangat dituntut di dalam Islam. Tidak sempurna amal ibadah seseorang anak jika beliau mengabaikan kebaikan ibu bapa. Dari itu jagalah ibu bapa dan anggaplah itu sebagai ibadah yang menyenangkan kita kerana apabila kita ikhlas, segalanya mudah dilakukan tanpa merasa ia suatu beban.

20

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menghindari segala sikap, perbuatan dan kata-kata yang boleh menyakiti hati ibu bapa. Sayangilah dan kasihanilah ibu bapa sepetimana mereka mengasihani kita di waktu kecil.
2. Umat Islam mestilah sentiasa meluangkan masa bersama ibu bapa selagi mereka masih hidup. Jangan menyesal di kemudian hari.
3. Sebagai Ibu bapa, kita hendaklah memberi contoh yang terbaik kepada anak-anak agar mereka terbimbing dan menjadi insan yang mampu berbakti kepada ibu bapa pada masa akan datang.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan kerahmatan kedua ibu bapanya agar sentiasa diberkati dan dirahmati Allah SWT

21



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدِيهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَا عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَلُهُ وَ فِي عَامَيْنِ
أَن أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدِيَكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ۝

22

" Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan). "

23

(Surah Luqman : 14).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يِتَّقُوا اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ。
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّرَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عَنَائِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

7

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحاجِ ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.

8

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

9

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُضْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada
ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas
ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-
Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan
yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan
malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan
Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.